

Bil. S 70

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN), 2010

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 83 dari Penggal 35.
 3. Pemasukan Bahagian XIVA dan Bahagian XIVB baru.
 4. Pemasukan Jadual Keempat baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN), 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 2010.

Pindaan bab 83 dari Penggal 35.

2. Bab 83 dari Akta Cukai Pendapatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memotong "atau 81" dari baris pertama dan menggantikannya dengan ", 81 atau 86M".

Pemasukan Bahagian XIVA dan Bahagian XIVB baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan 2 Bahagian baru yang berikut sejurus selepas bab 86 —

"BAHAGIAN XIVA

PERTUKARAN MAKLUMAT DI BAWAH PERJANJIAN PENCUKAIAN BERGANDA

Tafsiran Bahagian ini.

86A. (1) Dalam Bahagian ini —

"pihak berkuasa yang layak", berkenaan dengan suatu perjanjian yang ditetapkan, bermakna seseorang atau pihak berkuasa yang Pemungut berpuas hati adalah dibenarkan di bawah perjanjian itu untuk membuat suatu permintaan kepada Pemungut bagi maklumat di bawah peruntukan itu;

"perjanjian pencukaian berganda" bermakna suatu perjanjian yang berkuatkuasa di bawah bab 41;

"peruntukan pertukaran maklumat", berkenaan dengan suatu perjanjian pencukaian berganda, bermakna suatu peruntukan dalam perjanjian itu yang memperuntukkan dengan nyata bagi pertukaran maklumat berhubung dengan kedudukan cukai orang-orang;

"perjanjian yang ditetapkan" bermakna suatu perjanjian pencukaian berganda yang —

(a) mempunyai suatu peruntukan pertukaran maklumat; dan

(b) diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat, dengan suatu perintah di bawah bab 86C(1), sebagai suatu perjanjian yang ditetapkan;

"kedudukan cukai", berkenaan dengan seseorang, bermakna kedudukan orang itu berhubung dengan sebarang cukai —

(a) negara atau wilayah yang dengan kerajaannya perjanjian pencukaian berganda yang berkenaan telah dibuat; dan

(b) yang diliputi oleh peruntukan pertukaran maklumat dalam perjanjian itu,

termasuk kedudukannya berhubung dengan —

(i) liabiliti pada masa lalu, pada masa ini dan pada masa hadapan untuk membayar sebarang cukai tersebut;

(ii) penalti, faedah dan amaun lain yang telah dibayar, atau perlu dibayar atau mungkin perlu dibayar, oleh atau kepada orang itu berhubung dengan sebarang cukai tersebut; dan

(iii) tuntutan, pemilihan, permohonan dan notis yang telah atau mungkin dibuat atau diberikan berhubung dengan sebarang cukai tersebut.

(2) Sebutan-sebutan dalam Bahagian ini kepada kedudukan cukai seseorang termasuk kedudukan cukai —

(a) seseorang (yang bukannya seseorang individu) yang tidak lagi wujud; dan

(b) seseorang individu yang telah mati.

(3) Sebutan-sebutan dalam Bahagian ini kepada kedudukan cukai seseorang adalah sebutan-sebutan kepada kedudukan cukainya pada bila-bila masa atau berkenaan dengan sebarang tempoh, melainkan jika dinyatakan selainnya dalam perjanjian yang ditetapkan yang berkenaan.

Tujuan Bahagian ini.

86B. Tujuan Bahagian ini adalah untuk memudahkan pendedahan maklumat kepada pihak berkuasa yang layak di bawah suatu perjanjian pencukaian berganda yang ditetapkan di bawah bab 86C menurut peruntukan pertukaran maklumat dalam perjanjian itu.

Perjanjian yang ditetapkan.

86C. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat boleh dengan perintah mengisytiharkan suatu perjanjian pencukaian berganda sebagai suatu perjanjian yang ditetapkan bagi maksud-maksud Bahagian ini.

Permintaan untuk maklumat.

86D. (1) Pihak berkuasa yang layak di bawah suatu perjanjian yang ditetapkan boleh membuat suatu permintaan kepada Pemungut untuk maklumat berhubung dengan kedudukan cukai mana-mana orang menurut peruntukan pertukaran maklumat dalam perjanjian itu.

(2) Melainkan jika Pemungut membenarkan selainnya, permintaan itu mestilah menyatakan maklumat yang disebutkan dalam Jadual Keempat.

(3) Tiap-tiap permintaan hendaklah tertakluk kepada dan ditangani menurut syarat-syarat perjanjian yang ditetapkan itu.

Pemungut hendaklah menyampaikan notis permintaan kepada orang tertentu.

86E. (1) Selepas menerima suatu permintaan di bawah bab 86D bagi apa-apa maklumat yang, pada pendapat Pemungut, merupakan maklumat yang disebut dalam cerai (2), dia hendaklah menyampaikan notis permintaan itu melalui pos biasa kepada —

(a) orang yang dikenalpasti dalam permintaan itu sebagai orang yang berkenaan dengannya maklumat itu diminta; dan

(b) orang yang dikenalpasti dalam permintaan itu sebagai orang yang dipercayai ada memiliki atau mengawal maklumat itu.

(2) Maklumat yang disebut dalam ceraian (1) adalah maklumat yang dilindungi daripada pendedahan tanpa kebenaran di bawah —

(a) bab 58 dari Perintah Perbankan, 2006 (S 56/06);

(b) bab 58 dari Perintah Perbankan Islam, 2008 (S 96/08); dan

(c) bab 18 dari Perintah Perbankan Antarabangsa, 2000 (S 53/00).

(3) Notis di bawah ceraian (1) hendaklah disifatkan sebagai disampaikan pada hari selepas hari notis itu sepatutnya diterima dalam perjalanan biasa pos jika notis itu dialamatkan —

(a) dalam hal seseorang individu atau suatu kumpulan orang, kepada alamat perniagaan atau persendirian individu atau kumpulan orang itu yang terakhir diketahui;

(b) dalam hal sesebuah syarikat yang diperbadankan di Negara Brunei Darussalam, kepada pejabat berdaftarnya; atau

(c) dalam hal sesebuah syarikat yang diperbadankan di luar Negara Brunei Darussalam, sama ada kepada individu yang dibenarkan menerima penyampaian proses di alamat yang difailkan kepada Pendaftar Syarikat, atau kepada pejabat berdaftar atau mana-mana tempat perniagaan syarikat itu di mana sahaja syarikat itu terletak.

(4) Notis di bawah ceraian (1) tidak boleh disampaikan kepada mana-mana orang —

(a) jika Pemungut —

(i) tidak mempunyai apa-apa maklumat mengenai orang yang disebut dalam ceraian (3);

(ii) berpendapat bahawa ini mungkin menghalang atau melambatkan dengan cara yang tidak sepatutnya pertukaran maklumat yang berkesan di bawah perjanjian yang ditetapkan itu; atau

(iii) berpendapat bahawa ini mungkin menjejaskan sebarang penyiasatan ke atas apa-apa pelanggaran yang dikatakan terhadap sebarang undang-undang berkenaan dengan

cukai negara atau wilayah yang dengan kerajaannya perjanjian yang ditetapkan itu telah dibuat (sama ada pelanggaran itu akan menyebabkan pengenaan suatu hukuman jenayah atau sivil); atau

(b) atas alasan lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan di bawah bab 86H.

(5) Aturan-Aturan yang dibuat di bawah bab 86H boleh mengadakan peruntukan bagi butir-butir diberikan dalam suatu notis di bawah cerai (1).

Kuasa Pemungut untuk mendapatkan maklumat.

86F. (1) Bab-bab 55 hingga 55C hendaklah berkuatkuasa bagi maksud membolehkan Pemungut untuk mendapatkan apa-apa maklumat bagi maksud mematuhi suatu permintaan di bawah bab 86D.

(2) Bagi maksud cerai (1) —

(a) sebutan dalam bab 55 kepada maksud mendapatkan maklumat lengkap berkaitan dengan pendapatan mana-mana orang hendaklah dibaca sebagai suatu sebutan kepada maksud yang disebut dalam cerai (1);

(b) suatu sebutan dalam bab 55B kepada maksud-maksud Akta ini hendaklah dibaca sebagai maksud yang disebut dalam cerai (1); dan

(c) sebutan-sebutan dalam bab 55C kepada prosiding kerana suatu kesalahan di bawah Akta ini, prosiding untuk mendapatkan balik cukai atau penalti dan prosiding dengan cara rayuan terhadap suatu taksiran hendaklah dibaca masing-masing sebagai prosiding kerana suatu kesalahan di bawah undang-undang berkenaan dengan cukai negara atau wilayah pihak berkuasa yang layak yang membuat permintaan itu, prosiding untuk mendapatkan balik cukai atau penalti di bawah undang-undang tersebut, dan prosiding dengan cara rayuan terhadap suatu taksiran atau prosiding yang sama di bawah undang-undang tersebut.

Kuasa Pemungut untuk mendapatkan maklumat daripada pihak berkuasa lain.

86G. (1) Bagi maksud mematuhi suatu permintaan di bawah bab 86D, Pemungut boleh meminta Pemungut yang dilantik bagi maksud-maksud Akta Setem (Penggaj 34) untuk menghantar maklumat yang ada dalam milikannya kepadanya.

(2) Walaupun terdapat sebarang obligasi tentang penyimpanan rahsia yang dikenakan di bawah sebarang undang-undang bertulis, Pemungut yang dilantik bagi maksud-maksud Akta Setem (Penggali 34) boleh menghantar kepada Pemungut maklumat yang diminta olehnya di bawah ceraian (1).

Aturan-Aturan bagi maksud-maksud Bahagian ini.

86H. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat aturan-aturan —

(a) untuk menetapkan apa-apa jua yang boleh ditetapkan di bawah Bahagian ini; dan

(b) bagi maksud-maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

BAHAGIAN XIVB

PERINTAH MAHKAMAH BERKENAAN DENGAN MAKLUMAT TERHAD

Tafsiran Bahagian ini.

86I. Dalam Bahagian ini —

"pegawai yang dibenarkan" bermakna seseorang pegawai yang dibenarkan oleh Pemungut bagi maksud-maksud Bahagian ini;

"maklumat tertakluk kepada keistimewaan undang-undang" bermakna —

(a) perhubungan di antara seseorang penasihat undang-undang profesional dan anak guamnya atau mana-mana orang yang mewakili anak guamnya yang dibuat berhubung dengan pemberian nasihat undang-undang kepada anak guamnya; dan

(b) perhubungan di antara —

(i) seseorang penasihat undang-undang profesional dan anak guamnya atau mana-mana orang yang mewakili anak guamnya; atau

- (ii) seseorang penasihat undang-undang profesional atau anak guamnya atau mana-mana wakil itu dan mana-mana orang lain,

yang dibuat berhubung dengan, atau dengan tujuan hendak mengambil, prosiding kehakiman dan bagi maksud-maksud prosiding tersebut, apabila perhubungan itu ada dalam milikan seseorang yang berhak memilikinya, tetapi tidak termasuk, dalam sebarang hal, sebarang perhubungan atau butiran yang dipegang dengan niat hendak meneruskan sesuatu tujuan jenayah.

Perintah berkenaan dengan maklumat tertentu.

86J. (1) Jika —

(a) Pemungut menghendaki apa-apa maklumat —

- (i) bagi perlaksanaan Akta ini, selain dari bagi suatu penyiasatan atau suatu pendakwaan atas suatu kesalahan yang dikatakan atau disyaki telah dilakukan di bawah Akta ini; atau
- (ii) bagi mematuhi suatu permintaan yang dibuat di bawah bab 86D; dan

(b) Pemungut berpendapat bahawa maklumat itu dilindungi dari pendedahan tanpa kebenaran di bawah —

- (i) bab 58 dari Perintah Perbankan, 2006 (S 56/06);
- (ii) bab 58 dari Perintah Perbankan Islam, 2008 (S 96/08); atau
- (iii) bab 18 dari Perintah Perbankan Antarabangsa, 2000 (S 53/00),

maka Pemungut atau seseorang pegawai yang dibenarkan boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah di bawah ceraian (2).

(2) Jika, atas permohonan tersebut, Mahkamah Tinggi berpuashati bahawa syarat-syarat yang disebut dalam ceraian (3) telah dipenuhi, Mahkamah Tinggi boleh membuat suatu perintah bahawa orang yang pada pendapatnya ada memiliki atau mengawal maklumat yang disebut dalam permohonan itu hendaklah —

(a) membuat satu salinan apa-apa dokumen yang mengandungi maklumat itu dan memberikan salinannya kepada seseorang pegawai yang dibenarkan untuk diambil olehnya; atau

(b) memberikan seseorang pegawai yang dibenarkan akses kepada maklumat itu, dalam masa 21 hari dari tarikh perintah itu atau tempoh lain sebagaimana yang dianggap patut oleh Mahkamah.

(3) Syarat-syarat yang disebut dalam cerai (2) adalah —

(a) pembuatan perintah itu mempunyai justifikasi dalam hal keadaan kes itu; dan

(b) tidak bertentangan dengan kepentingan awam bagi satu salinan dokumen itu dikemukakan atau akses kepada maklumat itu diberikan.

(4) Kedua-dua orang yang berikut atau salah seorang daripada mereka boleh, dalam masa 7 hari dari tarikh perintah itu disampaikan kepada orang yang terhadapnya perintah itu dibuat, memohon kepada Mahkamah Tinggi supaya perintah itu dilepaskan atau diubah —

(a) orang yang terhadapnya perintah itu dibuat;

(b) orang yang berkenaan dengannya maklumat itu diminta, dan Mahkamah, setelah mendengar permohonan tersebut, boleh melepaskan perintah itu atau membuat perubahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5) Orang yang disebut dalam cerai (4)(b) adalah berhak untuk membuat permohonan tersebut meskipun suatu perintah di bawah cerai (7) telah dibuat yang bermaksud bahawa suatu perintah di bawah cerai (2) tidak boleh didedahkan kepadanya, jika (walaupun perintah yang mula-mula disebutkan dibuat) dia mengetahui perintah kedua yang disebutkan.

(6) Prosiding di bawah bab ini selain dari cerai (4) boleh, atas budi-bicara Mahkamah Tinggi, dijalankan di hadapan atau semasa ketiadaan —

(a) orang yang dikatakan ada memiliki atau mengawal maklumat itu atau yang terhadapnya perintah di bawah cerai (2) dibuat, mengikut mana yang berkenaan; atau

(b) orang yang berkenaan dengannya maklumat itu diminta.

(7) Mahkamah Tinggi boleh, dalam sebarang prosiding di bawah bab ini, atas permohonan Pemungut, membuat satu lagi perintah sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu untuk memastikan kerahsiaan apa-apa jua berkenaan dengan sebarang perintah yang dibuat dalam prosiding itu.

(8) Semua prosiding di bawah bab ini hendaklah didengar secara tertutup.

(9) Tiada sesiapa pun boleh memeriksa atau mengambil satu salinan apa-apa dokumen berkenaan dengan sebarang prosiding di bawah bab ini tanpa kebenaran Mahkamah Tinggi.

(10) Apa-apa maklumat berkenaan dengan sebarang prosiding di bawah bab ini tidak boleh disiarkan tanpa kebenaran Mahkamah Tinggi; dan kebenaran tidak boleh diberikan melainkan jika Mahkamah berpuashati bahawa maklumat itu, jika disiarkan menurut arahan yang mungkin diberikan olehnya, tidak akan mendedahkan apa-apa perkara yang ingin dengan munasabah terus dirahsiakan oleh Pemungut atau mana-mana orang yang disebut dalam cerai (6).

(11) Ketua Hakim boleh membuat Aturan-Aturan Mahkamah untuk mengadakan peruntukan bagi prosedur berkenaan dengan —

(a) sebarang prosiding di bawah bab ini; dan

(b) apa-apa rayuan dari sebarang prosiding tersebut.

Peruntukan-peruntukan tambahan berhubung dengan perintah bab 86J.

86K. (1) Jika Mahkamah Tinggi memerintahkan seseorang di bawah bab 86J(2) untuk memberikan seseorang pegawai yang dibenarkan akses kepada apa-apa maklumat yang dijumpai dalam mana-mana premis, ia boleh, atas permohonan yang sama atau kemudiannya daripada Pemungut atau seseorang pegawai yang dibenarkan, memerintahkan mana-mana orang yang pada pendapatnya sebagai berhak memberi kebenaran masuk ke premis itu untuk membenarkan seseorang pegawai yang dibenarkan untuk memasuki premis itu bagi mendapatkan akses kepada maklumat tersebut.

(2) Jika apa-apa maklumat yang disebut dalam suatu perintah di bawah bab 86J terkandung dalam atau boleh diakses dengan menggunakan peralatan data —

(a) suatu perintah di bawah bab 86J(2)(a) hendaklah mempunyai kesan sebagai suatu perintah untuk membuat satu salinan suatu

dokumen yang mengandungi maklumat itu dalam bentuk yang boleh diambil dan yang boleh dilihat dan mudah dibaca; dan

(b) suatu perintah di bawah bab 86J(2)(b) hendaklah mempunyai kesan sebagai suatu perintah untuk memberi akses kepada maklumat itu dalam bentuk yang boleh dilihat dan mudah dibaca.

(3) Seseorang itu tidak dilepaskan dari mengemukakan apa-apa dokumen atau memberi akses kepada apa-apa maklumat dengan suatu perintah di bawah bab 86J(2) atas alasan bahawa dengan berbuat demikian —

(a) mungkin menunjukkannya bersalah atau menjadikannya boleh dikenakan suatu penalti; atau

(b) akan melanggar suatu obligasi (yang dikenakan oleh undang-undang atau pun selainnya) untuk tidak mendedahkan maklumat itu.

(4) Suatu perintah di bawah bab 86J(2) —

(a) tidaklah memberi sebarang hak untuk mengemukakan, atau akses kepada, maklumat tertakluk kepada keistimewaan undang-undang; dan

(b) hendaklah berkuatkuasa walaupun terdapat sebarang obligasi tentang penyimpanan rahsia atau sekatan lain ke atas pendedahan maklumat yang dikenakan oleh undang-undang atau pun selainnya.

(5) Seseorang pegawai yang dibenarkan boleh menggambar atau membuat salinan apa-apa barang yang dikemukakan atau yang kepadanya akses diberikan menurut suatu perintah yang dibuat di bawah bab 86J(2).

(6) Dalam bab ini, "peralatan data" bermakna apa-apa peralatan yang —

(a) memproses maklumat secara automatik;

(b) merekodkan atau menyimpan maklumat secara automatik;

(c) boleh digunakan untuk menyebabkan maklumat direkodkan, disimpan atau pun selainnya diproses secara automatik dalam peralatan lain (di mana sahaja terletak); atau

(d) boleh digunakan untuk mendapatkan balik maklumat sama ada maklumat itu direkodkan atau disimpan dalam peralatan itu sendiri atau dalam peralatan lain (di mana sahaja terletak).

Kekebalan.

86L. (1) Tiada tindakan sivil atau jenayah, selain dari tindakan jenayah kerana suatu kesalahan di bawah bab 86M, boleh dikemukakan terhadap mana-mana orang kerana —

(a) membuat satu salinan suatu dokumen atau memberi akses kepada apa-apa maklumat jika dia telah berbuat demikian dengan suci hati bagi mematuhi suatu perintah yang dibuat terhadapnya di bawah bab 86J(2); atau

(b) melakukan atau meninggalkan daripada melakukan apa-apa perbuatan jika dia telah melakukan atau meninggalkan daripada melakukan perbuatan itu dengan suci hati dan akibat dari mematuhi suatu perintah yang dibuat di bawah bab-bab 86J(2) atau (7).

(2) Mana-mana orang yang mematuhi suatu perintah yang dibuat di bawah bab-bab 86J(2) atau (7) tidaklah boleh disifatkan sebagai melanggar sebarang sekatan ke atas pendedahan maklumat yang dikenakan oleh sebarang undang-undang bertulis yang lain, kontrak atau aturan-aturan kelakuan profesional.

Tidak mematuhi perintah bab 86J.

86M. Mana-mana orang yang —

(a) tanpa sebab yang munasabah melanggar suatu perintah di bawah bab-bab 86J(2) atau (7); atau

(b) dikatakan telah mematuhi suatu perintah di bawah bab 86J(2), mengemukakan kepada seseorang pegawai yang dibenarkan apa-apa dokumen yang mengandungi apa-apa maklumat, atau menyediakan kepada seseorang pegawai yang dibenarkan apa-apa maklumat, yang diketahui oleh orang itu sebagai palsu atau mengelirukan dalam sesuatu butir penting tanpa —

(i) menunjukkan kepada pegawai yang dibenarkan itu bahawa maklumat tersebut adalah palsu atau mengelirukan dan bahagian yang palsu atau mengelirukan itu; atau

(ii) memberi maklumat yang betul kepada pegawai yang dibenarkan itu jika orang itu ada memiliki, atau dapat memperolehi dengan munasabah, maklumat yang betul itu,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 2 tahun atau kedua-duanya sekali."

Pemasukan Jadual Keempat baru.

4. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan Jadual baru yang berikut sejurus selepas Jadual Ketiga —

"JADUAL KEEMPAT

bab 86D(2)

**MAKLUMAT YANG AKAN DIMASUKKAN DALAM SUATU PERMINTAAN BAGI
MAKLUMAT DI BAWAH BAHAGIAN XIVA**

1. Tujuan permintaan itu.
2. Identiti pihak berkuasa yang layak.
3. Identiti orang yang berkenaan dengannya maklumat itu diminta.
4. Suatu pernyataan mengenai maklumat yang diminta itu termasuk jenisnya, kaitan maklumat itu dengan tujuan permintaan itu, dan bentuk bagaimana pihak berkuasa yang layak ingin menerima maklumat itu daripada Pemungut.
5. Alasan untuk mempercayai bahawa maklumat yang diminta itu dipegang oleh Pemungut atau oleh Pemungut yang dilantik bagi maksud-maksud Akta Setem (Penggali 34); atau ada dalam milikan atau kawalan seseorang di Negara Brunei Darussalam.
6. Nama dan alamat mana-mana orang yang dipecayai ada memiliki atau mengawal maklumat yang diminta itu.
7. Suatu pernyataan bahawa permintaan itu adalah menepati dengan undang-undang dan amalan pentadbiran negara atau wilayah pihak berkuasa yang layak, dan bahawa pihak berkuasa yang layak adalah dibenarkan untuk mendapatkan maklumat di bawah undang-undang negara atau wilayah itu dalam perjalanan biasa amalan pentadbiran.
8. Suatu pernyataan bahawa negara atau wilayah itu telah melakukan segala cara yang ada di negara atau wilayahnya sendiri untuk mendapatkan maklumat termasuk mendapatkan maklumat terus daripada orang yang berkenaan dengannya maklumat itu diminta.
9. Butir-butir tempoh yang dalam tempoh tersebut negara atau wilayah itu ingin permintaan itu dipenuhi.

10. Apa-apa maklumat lain yang dikehendaki untuk dimasukkan dengan permintaan itu di bawah perjanjian yang ditetapkan.
11. Apa-apa maklumat lain yang boleh membantu dalam melaksanakan permintaan itu."

Diperbuat pada hari ini 2 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 17 haribulan April, 2010 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM